

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 JULY 2016

TH capai objektif penubuhan

➔ Institusi berjaya bela kebajikan, urus dana penabung sejak lima dekad lalu

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my
Petaling Jaya

BH - 27/7/2016

Datuk Seri Najib Razak mahu Tabung Haji (TH) terus cemerlang sebagai institusi utama membela kebajikan dan mengurus dana orang Melayu dan Islam di negara ini.

Perdana Menteri berkata, dalam tempoh lima dekad sejak ditubuhkan, TH berjaya memenuhi objektifnya membantu kebajikan dan sosioekonomi mereka.

“Ia meletakkan TH sebagai institusi yang boleh dibanggakan sehingga banyak negara cuba meniru konsep penubuhannya. TH perlu utamakan kebajikan dan kepentingan jemaah serta penabung,” katanya ketika melancarkan Yayasan TH, di Kompleks Tabung Haji di Kelana Jaya semalam.

Yang turut hadir, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; timbalannya Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki serta Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan pencapaian TH dari sudut pengurusan jemaah haji, lembaga itu berjaya mengekalkan kos haji sebanyak RM9,980 tanpa kenaikan sejak tahun 2009.

Subsidi RM8,000 seorang

“Subsidi yang TH tanggung sebanyak RM160 juta tahun ini iaitu setiap seorang dapat subsidi RM8,000. Mana ada tawaran seperti ini oleh pihak lain,” katanya.

Sementara itu, Najib berkata, beliau kesal dengan pihak tertentu yang mempolitikkan pelaburan TH seperti pembelian tanah di

Tun Razak Exchange (TRX).

“Dalam pelaburan pembelian tanah di TRX misalnya, saya difahamkan harga bagi satu kaki persegi RM1,800 tetapi dimaklumkan ada yang hendak beli pada harga RM2,200 kaki persegi. Kalau hendak dikira sudah untung tetapi dipolitikkan sesetengah pihak,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tetap komited membantu TH dalam menguruskan harta, pelaburan dan tabungan untuk meraih pulangan lumayan demi kepentingan pendeposit.

Sementara itu, Johan berkata, Yayasan TH akan menumpukan kepada bidang pendidikan bertujuan membangunkan modal insan dan menggalakkan kajian bertetrasakan Islam.

Katanya, TH memperuntukkan RM5 juta kepada yayasan itu bagi menggerakkan aktiviti pendidikan dalam fasa pertama.

